



Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2(7)

Tarikh : 10 Jun 2024

Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.3/2024: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TRANSAKSI KEWANGAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE TRANSACTIONS) DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- ... 2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.3/2024: Garis Panduan Pelaksanaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian (Online Transactions) Di Tabika Perpaduan Dan Taska Perpaduan** bertujuan sebagai panduan kepada para pegawai, kakitangan, Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan dalam pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Perkara ini dihasratkan oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara bagi melestarikan lagi pengoperasian dan pentadbiran Tabika Perpaduan secara optimum.
3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan di bawah seliaan YBrs. Dr./Tuan/Puan. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian YBrs. Dr./Tuan/Puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau Pelaksanaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian (*Online Transactions*) di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di bawah seliaan YBrs. Dr./Tuan/Puan.

Ruj. Kami : JPN.01/09/01Jld.2(7)

Tarikh : 10 Jun 2024

**Semua Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.3/2024: GARIS
PANDUAN PELAKSANAAN TRANSAKSI KEWANGAN SECARA DALAM
TALIAN (*ONLINE TRANSACTIONS*) DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA
PERPADUAN.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- ... 2. Sukacita bersama-sama ini disertakan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.3/2024: Garis Panduan Pelaksanaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian (*Online Transactions*) Di Tabika Perpaduan Dan Taska Perpaduan** bertujuan sebagai panduan kepada para pegawai, kakitangan, Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan dalam pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Perkara ini dihasratkan oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara bagi melestarikan lagi pengoperasian dan pentadbiran Tabika Perpaduan secara optimum.
3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab YBrs. Dr./Tuan/Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan di bawah seliaan YBrs. Dr./Tuan/Puan. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian YBrs. Dr./Tuan/Puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau Pelaksanaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian (*Online Transactions*) di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di bawah selian YBrs. Dr./Tuan/Puan.

4. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.3/2024: Garis Panduan Pelaksanaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian (*Online Transactions*) di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN HASHIM)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

s.k. : i. Ketua Pengarah, JPNIN
ii. Pengarah (BKSIN), JPNIN



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 3/2024: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN TRANSAKSI KEWANGAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE TRANSACTIONS*) DI TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan ini dilaksanakan adalah sebagai panduan kepada para pegawai, kakitangan, Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan dalam pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan. Perkara ini dihasratkan oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara bagi melestarikan lagi pengoperasian dan pentadbiran Tabika Perpaduan secara optimum.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional memperkenalkan penggunaan Transaksi Kewangan Secara Dalam Talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan bagi memastikan segala urusan berkaitan dengan kewangan dapat dikendalikan dengan mudah dan telus. Pelaksanaan ini lebih praktis, cepat dan efisien bagi memastikan pengurusan kewangan tabika dan taska berjalan dengan lancar.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Bil 2/2023 pada 12 Julai 2023 memutuskan agar projek rintis untuk pengoperasian transaksi kewangan secara dalam talian (*online transactions*) dijalankan di beberapa buah Tabika Perpaduan. Ini berikutan terdapat aduan berkaitan dengan penyalahgunaan kewangan di peringkat Tabika Perpaduan.
- 2.3 Pada tahun 2023, JPNIN telah menjalankan program rintis di 18 buah Tabika Perpaduan bermula pada bulan November 2023 hingga Januari 2024. Laporan projek rintis ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Direktorat JPNIN Bil. 7/2024 dan telah memutuskan supaya pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian ini di perluaskan ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh Malaysia.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 OBJEKTIF PELAKSANAAN TRANSAKSI SECARA DALAM TALIAN

- 3.1.1 Memastikan kaedah pembayaran dan perolehan lebih telus dan terjamin.
- 3.1.2 Menjimatkan masa dan meminimumkan pergerakan keluar masuk Guru/Penolong Guru/Pendidik/Pembantu Pendidik untuk urusan perbelanjaan di tabika dan taska.
- 3.1.3 Meningkatkan prestasi pengurusan kewangan kelas yang lebih cekap dan sistematik.

3.2 KUMPULAN SASAR PROGRAM

Pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian ini disasarkan kepada semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh Malaysia.

3.3 JENIS TRANSAKSI

Cadangan transaksi secara dalam talian adalah seperti berikut:

- 3.3.1 Pembayaran Bil Utiliti
- 3.3.2 Pembelian Peralatan/Bahan/Perkakasan
- 3.3.3 Pembayaran Penyelenggaraan Kelas
- 3.3.4 Pembayaran Perbelanjaan dan Pembekalan
- 3.3.5 Pembayaran perbelanjaan Aktiviti Kelas/Daerah/Negeri

3.4 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.4.1 Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian membantu menyelaras Guru/Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Perpaduan mendapatkan pengesahan daripada bank berkaitan dengan proses transaksi secara *online*.
- 3.4.2 Guru/Penolong Guru dan Pendidik/Pembantu Pendidik perlu melaksanakan proses pengeluaran wang merujuk kepada Bab D (Pengendalian Akaun Kelas) dan Bab E (Bantuan Makanan Tambahan) Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.

- 3.4.3 Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik Taska Perpaduan adalah pemegang nombor TAC/ *Secure TAC Approved* bagi akaun JPTP dan JPTSP tersebut.
- 3.4.4 Transaksi urusanniaga adalah dilaksanakan oleh Penolong Guru/Pembantu Pendidik.
- 3.4.5 Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian memastikan semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan mematuhi garis panduan ini.
- 3.4.6 Resit pembelian dan pembayaran secara *online* perlu direkodkan seperti peraturan di dalam Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan.
- 3.4.7 Catatan yang ringkas dan lengkap semasa proses pembayaran dan pembelian secara *online*.
- 3.4.8 Pembelian secara *online* hendaklah membuat perbandingan harga terlebih dahulu.
- 3.4.9 Mana-mana pembelian atau pembayaran yang tidak dapat menggunakan secara *online* adalah dibenarkan dilaksanakan secara manual seperti yang berkuatkuasa hari ini.

3.5 TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan transaksi kewangan secara dalam talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan ini akan bermula pada **01 Julai 2024**.

4.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua semua Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **01 Julai 2024** sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

5.0 RUMUSAN

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan program transaksi kewangan secara dalam talian di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan meningkatkan kualiti pengurusan, pengoperasian dan pentadbiran di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan di seluruh negara.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:


Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional